

MODUL PENINGKATAN PRESTASI

DAERAH PULAU PINANG

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan

- 1 (a) Lengkapkan jadual berikut :

	Peringkat dalam Kitaran Perakaunan	Keterangan
(i)		Menyemak ketepatan jurnal am, jurnal khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit
(ii)		Menyemak ketepatan catatan bergu

[2 markah]

(b)	P	Q
	Pemilik membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan.	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Apakah kesan urusanniaga P dan Q terhadap Akaun Modal ? [2 markah]

- (c) Pada 1 April 2024, Syarikat Yakin Berhad telah menerbitkan 2 000 000 syer biasa berharga RM 1.50 sesyer kepada orang ramai.

Nyatakan catatan bergu untuk merekod urusanniaga pada tarikh tersebut.

[2 markah]

- (d) Kelab Tennis Seri Taming mempunyai 200 orang ahli. Yuran tahunan sebanyak RM 120 dikenakan kepada setiap ahli. Bagi tahun berakhir 31 Julai 2024, kelab ini belum menerima yuran daripada ahlinya sebanyak RM600.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada akhir tempoh perakaunan 31 Julai 2024

[2 markah]

(e)

ASAL		INVOIS		
NO: 8476		KILANG XYZ 70 Jalan Rahmat 53100 Kuala Lumpur Tel: 03-32057800		
		Tarikh: 10 Sept 2024		
Kepada: Kedai Cermin Mata Super Lot No.G-31, Aras 2, Angsana Mall, Bandar Baru UDA 81200 Johor Bahru, Johor				
Bil	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Cermin mata Levis	20	80.00	1 600.00
2	Cermin mata Lois	30	83.00	2 490.00
				4 090.00
Tolak diskaun niaga 10%				409.00
Jumlah				3 681.00
(Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Enam Ratus Lapan Puluh Satu sahaja)				
Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K. & K. di K.				
Noris				
Amar				
Penerima				
Pengurus				

- (i) Siapakah penjual ?
- (ii) Apakah maksud K.&K.di K.?

[2 markah]

2. Faiq seorang pengeluar Sabun Dobi Fazz. Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024 adalah seperti berikut :

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024

	RM		RM
Peralatan (kos)	11 000	Modal	212 130
Mesin (kos)	125 000	Jualan	348 730
Inventori pada 1 Oktober 2023		Pulangan belian bahan langsung	2 900
Bahan langsung	74 600	Susut nilai terkumpul mesin	23 750
Barang siap	19 200	Susut nilai terkumpul peralatan	2 640
Alat-alat kecil	660	Akaun belum bayar	47 600
Kerja dalam proses	8 730	Diskaun	1 350
Belian :			
Bahan langsung	100 200		
Alat-alat kecil	3 300		
Angkutan masuk bahan langsung	2 770		
Upah langsung	41 800		
Upah tak langsung	20 500		
Gaji pentadbir	27 600		
Gaji penyelia kilang	18 000		
Iklan dan promosi	5 500		
Insurans	7 800		
Sewa	14 400		
Kadar bayaran	12 800		
Belanja penyelenggaraan mesin	5 600		
Belanja membaiki peralatan	2 400		
Akaun belum terima	30 000		
Hak cipta	5 100		
Bank	100 140		
Ambilan	2 000		
	<u>639 100</u>		<u>639 100</u>

Maklumat tambahan

(i) Inventori pada 31 Ogos 2024:

	Bahan langsung		Jumlah (RM)
	A	B	
Harga kos	37 260	43 400	80 660
Harga pasaran	39 000	41 340	80 340

	RM
Barang siap	22 200
Alat-alat kecil	950
Kerja dalam proses	10 700

- (ii) Sewa dibayar setiap suku tahun RM 3 600 dan berakhir pada 31 Julai 2024
- (iii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 November 2023
- (iv) Upah langsung belum bayar RM 3 200
- (v) Mesin disusutnilai pada kadar 10 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Peralatan disusutnilai pada kadar 12% setahun atas kos
- (vi) Perbelanjaan berikut diagihkan antara kilang dan pejabat

	Kilang %
Sewa	70
Insurans	80
Kadar bayaran	75
Gaji pentadbir	80
Susut nilai peralatan	90

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Alat-alat kecil [3 markah]
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024 [19 markah]
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024 [3 markah]

3. Sally adalah pemilik perniagaan Salina Duha Enterprise yang beroperasi di Kepala Batas, Pulau Pinang. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2023.

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2023

	RM	RM
Premis (kos)	70 000	
Perabot (kos)	50 500	
Kenderaan (kos)	80 000	
Alat tulis 1 Julai 2022	2 800	
Inventori 1 Julai 2022	38 400	
Akaun belum terima dan Akaun belum bayar	39 400	29 450
Bank	6 580	
Pinjaman berkadar faedah 10%		10 500
Susut nilai terkumpul perabot		16 000
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 300
Peruntukan hutang ragu		430
Ambilan	5 500	
Modal		120 000
Belian dan Jualan	117 020	224 800
Pulangan	2 471	3 830
Belian alat tulis	600	
Angkutan masuk	510	
Sewa diterima		3 200
Komisen		8 690
Hutang lapuk	1 247	
Gaji	6 000	
Belanja am	9 102	
Faedah pinjaman 10%	500	
Tunai	1 570	
	<u>432 200</u>	<u>432 200</u>

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2023:

- i) Inventori dinilai dan dicatatkan dalam kad inventori berasingan:

	Harga kos	Harga pasaran
Kasut Ayrar	7 560	8 102
Kasut Betty	5 340	5 234
Kasut Casy	4 312	4 430
Kasut Danial	2 980	2 999

- ii) Alat tulis yang masih belum digunakan adalah RM1 750
iii) Sewa belum terima RM2 940
iv) Baki seorang Akaun belum terima RM670 dihapuskan sebagai hutang lapuk
v) Pinjaman RM15 000 berkadar faedah 10% setahun telah dibuat pada 1 Januari 2021 untuk tempoh 5 tahun
vi) Polisi susut nilai menetapkan semua aset bukan semasa disusutnilaikan setahun penuh tanpa mengambil kira tarikh pembelian aset
Premis : tiada
Perabot : 10% mengikut kaedah garis lurus
Kenderaan : 20% mengikut kaedah baki berkurangan
vii) Peruntukan hutang ragu ialah RM584

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [12 markah]
(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023 [8 markah]
(c) Menghitung:
i) Margin Untung Bersih [2 markah]
ii) Nisbah Semasa [2 markah]
iii) Mentafsir dapatan c (ii) [1 markah]



Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Pada 1 Julai 2023, Cik Farisha memulakan perniagaan ND Trading dengan modal yang terdiri seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	6 800
Premis	90 000
Lengkapan	3 700
Deposit kadar bayaran	500

Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Pada 30 Jun 2024, maklumat berikut diperolehi daripada perniagaannya:

- (i) Aset dan liabiliti:

	RM
Premis	90 000
Deposit kadar bayaran	500
Lengkapan	6 200
Tunai di bank	7 560
Simpanan tetap	5 000
Inventori	11 780
Akaun Belum Terima	6 540
Akaun Belum Bayar	3 602
Sewa belum terima	800
Kadar bayaran belum bayar	240

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 31 Disember 2023, Cik Dhia membeliengkapan RM2 500 untuk kegunaan kedai dengan menggunakan wang peribadinya.
- (ii) Sepanjang tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2024, beliau telah mengambil barang niaga RM960 dan mengeluarkan cek perniagaan RM340 untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Pada 31 Mac 2024, Cik Dhia telah memaklumkan bahawa seorang pelanggan telah muflis dan hutangnya RM590 perlu dihapuskira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum diambil sebarang tindakan.
- (iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM375 kerana rosak belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (v) Inventori pada 30 Jun 2024 telah berlaku kesilapan terlebih nilai sebanyak RM370 dan hendaklah dibetulkan
- (vi) Simpanan tetap sebanyak RM5 000 telah dibuat pada 1 Januari 2024 dengan kadar faedah 3% setahun. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Cik Dhia bercadang membuat pelarasan bagi perkara berikut:
 - (a) Susut nilai 10% setahun ke atas lengkapan
 - (b) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2024 [10 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [5 markah]
- (c) Akaun Modal [5 markah]

- 5 (a) Perniagaan Helmi menyediakan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Nilai panjar berjumlah RM220 pada setiap bulan. Baki tunai runcit pada 30 Jun 2024 ialah RM55. Ketua juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali, iaitu setiap awal bulan. Jadual di bawah menunjukkan penerimaan dan penggunaan wang sepanjang bulan Julai 2024.

Tarikh		Urus niaga	No. Baucar	Jumlah (RM)
2024				
Julai	1	Menerima cek daripada ketua kerani		?
	3	Setem	V01	7
	4	Tambang teksi	V02	12
	6	Surat khabar dan majalah pejabat	V03	36
	11	Kertas karbon	V04	18
	13	Pos laju	V05	11
	29	Pewangi	V06	21

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Ogos 2024 mengikut format yang diberikan di Lampiran 1 [8 markah]

- 5 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Adam.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

Tarikh	Butir	No.cek	Jumlah	Tarikh	Butir	No.cek	Jumlah
2024				2024			
Jul. 1	Baki b/b		4 180	Jul. 2	Insurans	1001	470
3	Jualan		600	4	Belian	1002	800
5	Jualan		1 500	8	Perniagaan Tan	1003	1 600
9	Kedai Razif		1 800	10	Encik Ali	1004	890
14	Kedai Sofia		2 580	12	Gaji	1005	1 400
19	Kedai Lim		3 040	15	Puan Aina	1006	1 230
				25	Sewa	1007	700
				31	Baki h/b		6 610
			13 700				13 700
2024							
Ogos 1	Baki b/b		6 610				

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2024					4 580 Kt
Jul. 1	Baki b/b				4 180 Kt
3	Cek	1000	400		3 440 Kt
5	Cek	1001	740		2 640 Kt
9	cek	1002	800		3 240 Kt
14	Deposit			600	3 180 Kt
19	Buku cek		60		4 680 Kt
	Deposit			1 500	3 080 Kt
	Cek	1003	1 600		1 680 Kt
	Cek	1005	1 400		2 080 Kt
	Faedah atas Simpanan Tetap			400	2 330 Kt
	Dividen			250	
	Perintah Sedia Ada-Kedai				
	Nizam		200		2 130 Kt

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek yang diterima daripada Kedai Sofia pada 14 Julai 2024 telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".
- (ii) Cek bernombor 1001 telah tersilap catat dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2024. (tanpa mengemaskini Buku Tunai)

[12 markah]

6 Berikut adalah Imbangan Duga Perniagaan Izaton pada 31 Julai 2024:

Perniagaan Izaton
Imbangan Duga pada 31 Julai 2024

	Debit RM	Kredit RM
Inventori	9 450	
Akaun Belum Terima	11 960	
Angkutan keluar	616	
Komisen diberi	242	
Alat Tulis	240	
Bank	16 952	
Insurans	2 230	
Komisen diterima		560
Ambilan	600	
Modal		55 000
Jualan		18 080
Tunai	2 180	
Akaun Belum Bayar		9 310
Kenderaan	25 000	
Belian	13 480	
	<u>82 950</u>	<u>82 950</u>

Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan.

- (i) Ambilan barang niaga bernilai RM240 oleh pemilik terlupa rekod dalam mana-mana buku.
- (ii) Angkutan masuk sebanyak RM400 telah direkodkan sebagai angkutan keluar.
- (iii) Belian alat tulis RM200 telah didebitkan dalam Akaun Belian.
- (iv) Kenderaan termasuk belanja membaiki kenderaan berjumlah RM1 000.
- (v) Insurans termasuk insurans kenderaan pemilik sebanyak RM800.
- (vi) Komisen diterima RM90 secara tunai didebitkan ke Akaun Komisen Diterima dan dikreditkan ke Akaun Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan (abaikan keterangan)
[12 markah]
- (b) Imbangan Duga pada 31 Julai 2024 selepas kesilapan dibetulkan.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT